

1. Rakyat akan minum air tadahan Inskripsi Telaga Batu dalam upacara persediaan rakyat kepada pemerintah Srivijaya. m/s 4
Apakah tujuan upacara tersebut?

- A Meluaskan pengaruh
- B Mengukuhkan waadat
- C **Menunjukkan ketaatan**
- D Melambangkan kekuatan

2. Pernyataan berikut berkaitan dengan undang-undang kekeluargaan dalam kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. m/s 10

Fasal 26 Hukum Kanun Melaka menetapkan bahawa pernikahan memerlukan empat orang saksi.

Siapakah yang boleh menjadi saksi dalam pernikahan?

- I Wanita
- II Hamba
- III Adik lelaki
- IV Bapa saudara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D **III dan IV**

3. Maklumat berikut berkaitan dengan kemunculan nasionalisme di Eropah. m/s 24-25

- Revolusi Keagungan, 1688
- Revolusi Perancis, 1789

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap Eropah?

- A **Pengiktirafan hak asasi rakyat**
- B Pemansuhan institusi parlimen
- C Penahanan aktiviti politik radikal
- D Pengukuhan pemerintah autokratik

4. Mengapakah British memperkenalkan *dasar desentralisasi* di Tanah Melayu? m/s 42

- A **Mengembalikan kuasa sultan**
- B Mendapatkan sokongan rakyat
- C Meningkatkan peluang pekerjaan
- D Memudahkan urusan pentadbiran

5. Apakah punca tercetusnya Perang Dunia Pertama pada tahun 1914? m/s 54

- A Kegagalan perjanjian Versailles
- B Kejatuhan Empayar Uthmaniyah
- C Pembunuhan Putera Mahkota Austria-Hungary**
- D Pencerobohan wilayah British oleh Amerika Syarikat

6. Mengapakah layanan yang lebih kejam diberikan Jepun terhadap orang Cina berbanding orang Melayu dan India? m/s 73

- A Menyertai tentera British
- B Menguasai komunis di Tanah Melayu
- C Permusuhan daripada Perang China – Jepun**
- D Penguasaan orang Cina dalam bidang ekonomi

7. Jadual berikut merujuk perkembangan pentadbiran di Tanah Melayu. m/s 94

Tarikh	12 September 1945
Peristiwa	Pengenalan British Military Administration (BMA)

Apakah tujuan pentadbiran tersebut diperkenalkan?

- A Menyekat penentangan penduduk
- B Mengatasi kemerosotan ekonomi
- C Menghalang gerakan nasionalis
- D Mengembalikan keamanan**

8. Jadual berikut menunjukkan usaha orang Melayu menentang Malayan Union. m/s 105

Tarikh	1 – 4 Mac 1946
Peristiwa	Kongres Melayu Pertama
Tempat	Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur

Apakah kepentingan peristiwa tersebut?

- A Penjajahan British berakhir
- B Peroleh kedaulatan mutlak
- C Penubuhan UMNO dijayakan**
- D Perasaan perkauman dihapuskan

9. Mengapakah British menubuhkan Jawatankuasa Kerja pada 25 Julai 1946? m/s 126

- A Memeriksa Perlembagaan Rakyat
- B Menilai pelaksanaan Malayan Union
- C Memperkenalkan Dasar Pendidikan Kebangsaan
- D Merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu**

10. Apakah kesan pelaksanaan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948? m/s 137

- A Perluasan pasaran antarabangsa
- B Perjuangan kemerdekaan terjejas
- C Pendudukan pihak Jepun berakhir
- D Pembukaan ruang kewarganegaraan**

11. Maklumat berikut berkaitan dengan ancaman komunis di negara kita.

Tahun	Peristiwa
16 Jun 1948	Pembunuhan tiga orang pengurus ladang di Sungai Siput, Perak.

Apakah kesan peristiwa tersebut? m/s 148

- A Pengenalan Rancangan Briggs
- B Pemansuhan perjanjian AMDA
- C Parti Komunis Malaya diharamkan
- D Pengenalan Undang-undang Darurat**

12. Gambar berikut berkaitan dengan pasukan Special Constables. m/s 153



Apakah tugas pasukan tersebut?

- A Membuat rondaan di pinggir hutan
- B Mengawal ladang dan kawasan lombong**
- C Melakukan tugas risikan terhadap komunis
- D Mengesan tempat persembunyian pihak musuh

13. Maklumat berikut berkaitan dengan penubuhan parti politik yang diasaskan oleh Dato' Onn Jaafar pada tahun 1951. m/s 173

Independence of Malayan Party (IMP)

Apakah matlamat penubuhan parti politik tersebut?

- A Melindungi warisan budaya
- B Memupuk perpaduan rakyat**
- C Memelihara kesucian agama
- D Memerangi ideologi komunis

14. Bagaimanakah matlamat memupuk perpaduan kaum dapat dicapai melalui pelaksanaan Sistem Ahli? m/s 179

- A Kesaksamaan ekonomi
- B Kesepakatan parti politik
- C Kewarganegaraan sama rata
- D Keanggotaan pelbagai kaum**

15. Pada tahun 1954, Perikatan UMNO-MCA telah berjaya memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi dalam pilihan raya peringkat negeri. Apakah faktor kejayaan tersebut? Ms197

- A Pengenalan manifesto yang mantap
- B Pencalonan individu yang berpendidikan tinggi
- C Pelaksanaan kempen pilihan raya yang meyakinkan
- D Penerimaan masyarakat terhadap kerjasama antara kaum**

16. Bilangan anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) telah ditetapkan oleh British adalah sebanyak 52 orang. Bagaimanakah anggota MPP dilantik? M/s 199

- A Melalui pilihanraya umum**
- B Menggunakan pungutan suara
- D Persetujuan Majlis Raja-raja Melayu
- C Pelantikan Pesuruhjaya Tinggi British

17. Apakah perkara yang dipersetujui antara rombongan dari Persekutuan Tanah Melayu (PTM) dengan pihak British dalam Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu pada 8 Februari 1956? m/s 218

- A Memberi kuasa perundangan kepada PTM
- B Membentuk sebuah Suruhanjaya Perlembagaan PTM**
- C Mengekalkan pegawai British yang berkhidmat di PTM
- D Melantik ahli Majlis Eksekutif dalam kalangan rakyat PTM

18. Bagaimanakah Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu melaksanakan tugas merangka perlembagaan negara yang merdeka? m/s 221

- A Menerima arahan Ratu England
- B Mematuhi nasihat Majlis Raja-Raja
- C Mengkaji perlembagaan negara jiran
- D Meneliti memorandum daripada pelbagai pihak**

19. Bunga raya telah dipilih sebagai bunga kebangsaan oleh Tunku Abdul Rahman. Bagaimanakah pemilihan tersebut ditentukan? m/ 236

- A Disyorkan oleh kabinet
- B Pemilihan oleh Raja-raja Melayu
- C Pemilihan oleh Kementerian Pertanian**
- D Dicapangkan oleh Yang di-Pertuan Agong IV

20. Gambar berikut menunjukkan Buku Merah yang dilancarkan pada tahun 1961 dalam Rancangan Malaya Kedua. m/s 244



(sumber: <http://muziumnegara.gov.my>)

Apakah tujuan buku tersebut diperkenalkan?

- A Mengawal kemasukan buruh luar
- B Mengurangkan beban kewangan kerajaan
- C Memantau kecekapan pengurusan syarikat
- D Menilai pelaksanaan rancangan pembangunan**

21. Berikut adalah perkataan Bahasa Yunani berkaitan kedaulatan.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">● Supernuus● Superanus |
|---|

Perkataan tersebut merujuk negara yang Ms 4

- A beraja
- B merdeka**
- C autokrasi
- D demokrasi

22. Mengapakah rakyat Malaysia perlu menghargai tokoh nasionalis negara? KBAT

- A Memupuk semangat patriotisme**
- B Menyusun semula masyarakat

- C Mendapat pengiktirafan
- D Memelihara maruah

23. Maklumat berikut berkaitan dengan asas pembentukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. m/s 23

•	Undang-undang Negeri Melayu
•	X

Apakah X?

- A Adat Temenggung
- B Hukum Kanun Melaka
- C Undang-undang Inggeris
- D Undang-undang Laut Melaka

24. Bagaimanakah status kewarganegaraan Tanah Melayu diperoleh sebelum merdeka? m/s 28

- I. Rakyat raja
- II. Kerakyatan British
- III. Pemastatutin tetap
- IV. Kewarganegaraan sama

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

25. Undang-undang berikut diwujudkan berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. m/s 40

•	Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang
•	Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan

Apakah kesan pengenalan undang-undang tersebut?

- A Pemantapan jawatan Ketua Negeri
- B Penubuhan Majlis Perundangan Negeri
- C Pengamalan sistem Raja Berperlembagaan
- D Pemerintahan sistem Demokrasi Berparlimen

26. Mekanisme semak dan imbang telah memberi kuasa pengimbang pada raja. Bagaimanakah kuasa tersebut memastikan kestabilan negara terjamin? m/s 56

- A Meredakan pertikaian parti politik
- B Mengatasi kemasukan pengaruh luar
- C Memudahkan dasar kerajaan diluluskan

D Mengekalkam status quo orang Melayu

27. Siapakah yang dilantik sebagai ketua Persekutuan Tanah Melayu 1948? m/s 67

- A Residen
- B Gabenor
- C Pesuruhjaya Tinggi**
- D Yang di-Pertuan Agong

28. Maklumat berikut berkaitan dengan kuasa kerajaan negeri bagi Sarawak dan Sabah. m/s 70

•	Senarai Negeri
•	Senarai Bersama
•	Peruntukan Tambahan

Mengapakah peruntukan tambahan diberikan kepada negeri-negeri tersebut?

- A Mengelakkan penggubalan undang-undang baharu
- B Menyesuaikan kemasukan negeri berkenaan ke dalam Malaysia**
- C Memudahkan pengurusan kawasan tempatan di Sabah dan Sarawak
- D Membentuk kerajaan tempatan peringkat ketiga di negeri berkenaan

29. Idea gagasan Malaysia ialah penyatuan wilayah penguasaan British di Asia Tenggara dalam satu sistem pentadbiran dan ekonomi.

Mengapakah penyatuan tersebut penting bagi pihak British? m/s 90

- A Memudahkan pentadbiran**
- B Memupuk perpaduan kaum
- C Melakukan neokolonialisme
- D Melaksanakan pembaharuan

30. Pada 30 September 1965, berlaku peralihan kepimpinan di Indonesia.

Presiden Soekarno	—————→	Jeneral Suharto
-------------------	--------	-----------------

Apakah kesan daripada perubahan tersebut? m/s 109

- A Mengadakan pertemuan antara pemimpin
- B Menamatkan konfrontasi dengan Malaysia**
- C Melancarkan serangan gerila di Sarawak dan Sabah
- D Mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia

31. Gambar menunjukkan rusuhan kaum yang berlaku di Singapura pada 21 Julai 1964. m/s 119



(sumber <http://mstar.com.my>)

Mengapakah rusuhan tersebut berlaku?

- A Menuntut persamaan hak
- B Perebutan kuasa pentadbiran
- C Pembangunan wilayah tidak seimbang
- D Menentang pembukaan pasaran bersama

32. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi melindungi rakyat daripada ancaman pengganas komunis termasuk pelaksanaan Strategy Counterinsurgency (COIN). m/s 125

Apakah strategi pelaksanaan COIN?

- A Menawarkan pengampunan
- B Mengadakan catuan makanan
- C Menempatkan semula penduduk
- D **Memenangi hati rakyat tempatan**

33. Apakah matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan? m/s 144

- A **Memupuk perpaduan kaum**
- B Mendaulatkan bahasa ibunda
- C Membentuk masyarakat saintifik
- D Meningkatkan tenaga kerja mahir

34. Rukun Negara dibentuk untuk mencapai matlamat membentuk masyarakat yang sejahtera.

Masyarakat X	Satu masyarakat yang bergerak maju sejajar dengan perubahan dan kemajuan pada masa ini.
--------------	---

Apakah X? m/s 158

- A Adil
- B Liberal
- C **Progresif**
- D Demokratik

35. Apakah matlamat kerajaan memperkenalkan Dasar Pembangunan Nasional pada tahun 1991? m/s 174


- A **Mencapai taraf negara maju**
- B Membentuk masyarakat adil
- C Memperkukuh sektor pertahanan

D Menyeragamkan sistem kewangan

36. Bagaimanakah pengenalan Zon Perindustrian Bebas dapat memajukan sektor perindustrian negara? m/s 186

- A Pembentukan bandar terancang
- B Pelepasan tarif sebagai insentif**
- C Perkembangan ekonomi kawasan bandar
- D Penyediaan pusat penyelidikan dan inovasi

37. Maklumat berikut berkaitan perubahan yang berlaku dalam dasar luar Malaysia ketika pentadbiran Tun Abdul Razak Husien. m/s 195



Apakah tujuan perubahan dasar tersebut?

- A Memajukan ekonomi negara
- B Memelihara nama baik negara
- C Mengikut keperluan dan perubahan semasa**
- D Meningkatkan urusan perdagangan luar negara

38.

Isu Kemiskinan

Bagaimana pertubuhan Komanwel menangani isu tersebut dalam kalangan negara anggotanya? m/s 206

- A Melancarkan Program Buku Merah
- B Melaksanakan Rancangan Colombo**
- C Menubuhkan Tabung Kemanusiaan
- D Mengadakan Sidang Kemuncak Dunia

39. Malaysia dan negara Komanwel bersungguh dalam mengekalkan kelestarian global. Apakah bukti komitmen tersebut m/s 238

- A Menyertai program di bawah UNHCR
- B Mengisytiharkan Deklarasi Langkawi**
- C Menganjurkan Sidang Kemuncak Bumi
- D Melancarkan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali

40. Komuniti ASEAN ditubuhkan pada tahun 2015. Apakah yang menjadi harapan komuniti tersebut? m/s 242

- A Menangani masalah jerebu
- B Memelihara hak asasi manusia

C Menyelesaikan konflik secara aman

D Melindungi kedudukan negara sedang membangun